

5 keluarga ditempatkan di rumah transit

Kuala Lumpur: Lima keluarga yang terjejas dalam kebakaran di Flat Sri Sabah, Cheras di sini, ditempatkan sementara di rumah transit berhampiran mulai 15 Februari ini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah mengenal pasti beberapa unit di Flat Sri Johor yang terletak berdekatan untuk menempatkan semua 16 mangsa daripada lima keluarga itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, mereka dibenarkan mendiami rumah transit itu antara enam bulan hingga tiga tahun.

“Kita benarkan (tinggal di rumah transit) sehingga enam bulan bagi mereka yang memiliki rumah sendiri (beli unit itu) dan untuk penyewa pula sehingga tiga tahun.

“DBKL juga akan ambil tanggungjawab memperbaiki bahagian luar rumah, tetapi bahagian dalam rumah itu atas tanggung-

jawab pembeli unit,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat mangsa kebakaran yang ditempatkan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Cheras di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, sumbangan wang tunai RM7,300 diserahkan kepada mangsa daripada setiap unit rumah bagi meringankan beban.

“Sejak semalam (kelmarin) bantuan sudah disalurkan dan hari ini (semalam) kita salurkan sumbangan antaranya RM5,000 daripada Jabatan Wilayah Persekutuan, DBKL dan Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak masing-masing RM1,000 serta RM300 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Selain itu, kita berikan bantuan keperluan harian seperti periuk nasi, ubat gigi, sabun, tuala, tuala wanita, kain batik dan sebagainya kepada semua mangsa,” katanya.